


LAPORAN KEMAJUAN TAHUNAN

2013



KANDUNGAN

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd	4
Visi, Misi dan Nilai-nilai Teras	6
Kata Aluan Pengerusi	8
Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif	10
Lembaga Pengarah	12
Barisan Pengurusan	14
Projek MRT Lembah Klang	
Tentang Projek	16
MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang	18
Struktur Projek	20
Laporan Kemajuan	
Pembinaan	25
Perolehan	29
Hal Ehwal Tanah	32
Kwarters Pekerja MRT	35
Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan	36
Penyertaan Bumiputera	43
Program Offset	45
Sorotan Penting	46
Laporan Kewangan	
Penyata Kewangan	50

Gambar muka depan:
Mesin Pengorek Terowong Inai 2 sedang dipasang di dalam Syaf Inai Atas.
Gambar oleh Mohd Adzreel Abd Makatar.





MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) adalah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan dan ditubuhkan dengan tujuan memajukan dan memiliki aset Projek MRT.

MRT Corp ditubuhkan pada September 2011 dan telah mengambil alih pemilikan projek daripada Syarikat Prasarana Negara Bhd pada Oktober 2011.

Tanggungjawab MRT Corp termasuk memantau pembinaan kesemua struktur bertingkat, stesen dan depoh projek. Syarikat ini juga memantau kerja bawah tanah yang melibatkan kerja pembinaan terowong dan stesen bawah tanah.

MRT Corp bertanggungjawab ke atas kontrak-kontrak terbabit, proses perolehan dan penyelesaian pertikaian selain memastikan kualiti daripada segi kos, penjadualan, kesihatan, keselamatan dan keperluan persekitaran.

Syarikat ini juga bekerjasama dengan pihak lain dalam pembangunan Projek MRT, iaitu MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd sebagai Rakan Pelaksana Projek (Project Delivery Partner) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sebagai agensi penyelia.



VISI, MISI DAN NILAI-NILAI TERAS

VISI

Untuk diiktiraf sebagai penyedia utama perkhidmatan pengangkutan rel bandar.

MISI

Untuk menghasil dan menyampaikan sistem aliran transit massa (MRT) secara efektif, cekap dan bersepadu; dengan selamat, mengikut jadual serta menepati kos.

NILAI-NILAI TERAS

KETERBUKAAN

Kami saling menghormati antara satu sama lain, menghargai perbezaan dan memanfaatkan perubahan di bawah satu kepimpinan

KERJASAMA

Kami bekerja dengan penuh berkesan sebagai satu pasukan ke arah mencapai matlamat bersama

KEJUJURAN

Kami mendukung amanah dan integriti pada setiap masa

KECEMERLANGAN

Kami sentiasa melakukan perkara yang betul dengan cara yang betul

TANGGUNGJAWAB

Kami sentiasa bertindak secara peka dan sedia bertanggungjawab atas segala tindakan dan hasil kerja



001

MRT



KATA-KATA ALUAN PENERUSA

PERTAMA sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg Tan Sri Sidek Hassan, Pengerusi Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd terdahulu selaku peneraju yang membolehkan Projek MRT berjalan dengan lancar sehingga hari ini.

Saya amat berbesar hati untuk menyampaikan kata-kata aluan pertama saya selaku Pengerusi MRT Corp dalam Laporan Kemajuan Tahunan 2013. Malah, pelantikan saya pada Januari 2013 telah membenarkan saya mengambil alih jawatan Pengerusi syarikat dan seterusnya projek yang saya petik kata-kata Perdana Menteri kita YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah berjaya menjadi bintang bersinar dalam kalangan projek-projek Kerajaan, dengan pengurusan projek dan struktur tadbir urus yang kukuh, amalan perolehan yang telus dan kerja pembinaan yang baik.

Tahun kewangan 2012/2013 telah menyaksikan kemajuan Projek MRT pada kadar yang luar biasa. Dengan hanya 2.15% kemajuan pada permulaan tahun kewangan, kini kita mengakhiri tahun ini dengan 28% kadar penyempurnaan projek. Perlu juga dimaklumkan bahawa kerja pembinaan hanya bermula dua tahun yang lepas, iaitu setelah perasmian oleh Perdana Menteri sendiri pada 8 Julai 2011.

Sepanjang tahun kewangan ini, kita telah menyaksikan permulaan kerja-kerja membina terowong dan kerja-kerja penggalian untuk semua tujuh stesen bawah tanah bagi bahagian bawah tanah MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang dengan jarak 9.5 km. Bermula dengan pelancaran mesin pengorek terowong (TBM) pertama pada 30 Mei 2013 oleh Perdana Menteri, kita kini mempunyai empat TBM untuk menggali terowong bagi jajaran MRT di bawah bandaraya Kuala Lumpur.

Permulaan pembinaan terowong mempunyai kepentingan khusus kerana ini adalah kali pertama TBM Variable Density baru, yang direka khas untuk penggalian terowong menembusi Formasi Batu Kapur Kuala Lumpur, digunakan. Mesin ini telah berfungsi dengan baik, menjadikan kerja penggalian terowong lebih selamat. Kemajuan yang besar juga telah dicapai untuk bahagian-bahagian jajaran yang bertingkat, dengan 64% cerucuk, 30% tukup cerucuk, 12% tiang-tiang dan 14 rentang jejambat bertingkat telah berjaya dibina.

Satu lagi pencapaian yang boleh dibanggakan adalah penyelesaian secara baik berkenaan isu-isu tanah yang menjadi perhatian ramai. Penyelesaian bagi beberapa kes ini adalah penyelesaian cara baru iaitu dengan membenarkan tanah milik persendirian untuk wujud bersama dengan MRT melalui persetujuan bersama antara pemilik tanah dengan MRT Corp, suatu pencapaian baru bagi Malaysia. Melalui jalan penyelesaian ini, hampir semua pemilik rumah-rumah kedai di Jalan Sultan dapat mengekalkan pemilikan tanah mereka di samping membolehkan terowong MRT dibina di bawahnya.

Isu-isu tanah hanyalah salah satu daripada pelbagai cabaran projek infrastruktur besar seperti Projek MRT. Sebagaimana penyelesaian isu tanah, saya pasti cabaran-cabaran ini boleh ditangani menerusi kesabaran, perjumpaan dengan pihak berkepentingan, dan dengan cadangan yang kreatif.

Harapan dan keterujaan terhadap Jajaran MRT pertama di Malaysia berkembang hari demi hari. Tugas menyelesaikannya kepada rakyat terletak di bahu pasukan dalam MRT Corp dan pihak-pihak terlibat seperti Rakan Pelaksana Projek, Kontraktor Pakej Kerja dan subkontraktor serta Jabatan dan Agensi Kerajaan berkaitan.

Dengan dedikasi dan komitmen daripada setiap pemegang berkepentingan, saya sangat yakin bahawa kita dapat menyiapkan projek ini dalam tempoh dan kos yang ditetapkan, dengan selamat. Kami menjangkakan masyarakat akan dapat menggunakan perkhidmatan Fasa Pertama laluan MRT dari Sungai Buloh ke Semantan menjelang akhir tahun 2016, manakala keseluruhan jajaran dijangka akan dapat digunakan menjelang Julai 2017, setelah pelancaran Fasa Kedua dari Semantan ke Kajang.

Terima Kasih.

TAN SRI DR ALI HAMSA
Pengerusi

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

TAHUN kewangan 2012/2013, yang juga merupakan tahun kedua sejak penubuhan MRT Corp, merupakan tahun yang penuh dengan lakaran peristiwa-peristiwa penting. Di kala proses pembinaan Projek MRT Lembah Klang Laluan Sungai Buloh-Kajang sedang giat dijalankan, beberapa kejayaan penting telah dicapai. Kejayaan-kejayaan ini menggariskan perkembangan signifikan yang telah kami capai sejak pelancaran projek pada Julai 2011, di mana kemajuan pelaksanaan pembinaan Projek MRT telah mencapai 28% pada 30 September 2013.

Antara kejayaan-kejayaan ulung yang dicapai adalah bermulanya kerja penggalian terowong projek oleh Kontraktor Kerja Bawah Tanah kami iaitu MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd. Peristiwa bersejarah ini, yang mengambil tempat pada 30 Mei 2013 di Syaf Pelancaran Cochrane, telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Selain menandakan permulaan fasa yang paling mencabar, peristiwa ini juga telah mencatat sejarah kerana hari tersebut juga merupakan hari pelancaran Mesin Pengorek Terowong Variable Density yang pertama di dunia. Hasil kerjasama MMC Gamuda dengan pengilang TBM bertaraf dunia Herrenknecht AG, TBM Variable Density ini telah direka khusus untuk menggali terowong menembusi formasi batu kapur Karst di bawah bahagian timur bandaraya Kuala Lumpur. Formasi Batu Kapur Kuala Lumpur dianggap sebagai salah satu pembentukan geologi yang paling mencabar untuk kerja penggalian terowong.

Sejak pelancaran TBM pertama pada bulan Mei 2013 hingga akhir tempoh tinjauan pada 30 September 2013, tiga lagi TBM telah memulakan kerja penggalian, iaitu dua dari Portal Semantan di Jalan Duta, dan yang ketiga dari Syaf Pelancaran Cochrane. Kami menjangka akan melancarkan tiga lagi TBM menjelang akhir tahun 2013.

Kejayaan memulakan pembinaan terowong dalam masa dua tahun sejak Projek MRT dilancarkan membawa kebanggaan besar kepada kami semua di MRT Corp, dan juga kepada MMC Gamuda. Segala persediaan yang ditempuh amat mencabar, antaranya ialah urusan penyelesaian isu-isu tanah sehinggalah kepada pemilihan TBM yang paling sesuai untuk digunakan. Walaubagaimanapun, apabila butang pelancaran ditekan oleh Perdana Menteri pada 30 Mei 2013, dan TBM mula menjalankan fungsinya menghancurkan batuan keras dan membina terowong MRT di bawah bandaraya Kuala Lumpur, jelas bahawa segala penat lelah dalam mengatasi cabaran-cabaran tersebut sangat berbaloi.

Selain kerja-kerja menggali terowong, Kontraktor Kerja Bawah Tanah kami juga telah memulakan pembinaan untuk kesemua tujuh stesen bawah tanah, serta kerja penggalian kekotak stesen bagi kebanyakan stesen. Pada akhir tempoh tinjauan, kemajuan kerja-kerja pembinaan bagi Pakej Kerja Bawah Tanah telah mencapai 41%.

Sepanjang tempoh tinjauan, satu lagi peristiwa penting telah dicapai, kali ini melibatkan seksyen jajaran bertingkat projek. MRT Corp menyaksikan rentang pertama jejambat bertingkat MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang mula dibina dalam Pakej V6 di Bandar Tun Hussein Onn pada bulan Jun. Sejak itu, sebanyak 14 lagi rentang jejambat telah dibina dalam Pakej V2, V5 dan V6.

Kelajuan pembinaan jejambat dijangka meningkat, berikutan pemasangan enam gantri pelancar (dengan tiga daripadanya telah beroperasi dalam pembinaan enam rentang yang dinyatakan sebelum ini) pada akhir September 2013.

Kerja-kerja lain berkaitan pembinaan bahagian bertingkat jajaran tersebut, seperti penempatan semula utiliti dan pembinaan serta pemasangan cerucuk, tukup cerucuk, dan tiang, juga menunjukkan kemajuan yang bagus semasa tempoh tinjauan.

Pada akhir tempoh tinjauan, status kemajuan Pakej Kerja Bertingkat ialah 19.27%. Bagi Pakej-pakej Kerja Sistem, kesemuanya telah dianugerahkan menjelang akhir tempoh tinjauan. Kontraktor-kontraktor Sistem kini sedang melakukan proses reka bentuk dan perolehan bahan-bahan yang memerlukan masa penyediaan panjang. Pada akhir tempoh tinjauan, status kemajuan bagi keseluruhan Pakej Kerja Sistem ialah 22.75%.

Antara Pakej Kerja Sistem yang paling menarik ialah untuk tren elektrik kami, yang akan dibekalkan oleh Siemens AG. Dalam tempoh tinjauan, MRT Corp telah memuktamadkan reka bentuk luaran bagi 58 set tren berasaskan tema "Guiding Light", yang diinspirasi oleh seni bina Kuala Lumpur. Tren-tren ini akan dipasang di kilang pemasangan tren pertama Malaysia di Rasa, Hulu Selangor, yang masih dalam pembinaan

ketika tempoh tinjauan. Tren pertama dijangka akan diserahkan kepada MRT Corp pada Mei 2014.

Perkara lain yang wajar dimaklumkan adalah inisiatif Agenda Bumiputera kami yang dilaksanakan bagi memastikan segala peluang yang ada dikongsi bersama syarikat-syarikat Bumiputera, termasuk mereka yang berada dalam Kelas G1, G2, G3 dan G4 (dahulunya Kelas D, E dan F), agar mereka mendapat peluang melibatkan diri dalam projek infrastruktur mega ini.

Sukacita saya laporkan bahawa dalam tempoh tinjauan, 45% daripada keseluruhan nilai kontrak telah dianugerahkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera. Unjuran kami menunjukkan bahawa kami akan melepasi sasaran 43% daripada keseluruhan nilai kontrak untuk dianugerahkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, apabila kami selesai menganugerahkan kesemua 86 pakej kerja bagi pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang.

Kontraktor-kontraktor kecil tidak dilupakan, di mana MRT Corp telah berjaya menganugerahkan 44 pakej kerja kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera daripada Kelas G1, G2, G3 dan G4 melalui cara undian dalam tempoh tinjauan. Kami menjangka akan menganugerahkan 51 lagi pakej kerja kepada kontraktor-kontraktor ini pada Disember 2013.

Segala yang dinyatakan di atas hanyalah rumusan bagi keseluruhan aktiviti dan pencapaian kami dalam Tahun Kewangan yang lepas.

Lembaran-lembaran seterusnya dalam Laporan Kemajuan Tahunan, yang saya dengan sukacita persembahkan ini, akan memberi anda gambaran yang lebih lengkap tentang aktiviti-aktiviti kami.

Terima kasih.

DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID
Ketua Pegawai Eksekutif



LEMBAGA PENGARAH



TAN SRI DR ALI HAMSA
Pengerusi

TAN Sri Dr Ali Hamsa, 58, adalah Ketua Setiausaha Negara.

Sebelum perantikannya pada 2012, Tan Sri Dr Ali memegang jawatan Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di Jabatan Perdana Menteri pada 2009. Sebelum itu, beliau berkhidmat di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan memegang jawatan Pengarah Bahagian Pembahagian diikuti Timbalan Ketua Pengarah Program Transformasi dan Kemajuan Nasional.

Tan Sri Dr Ali menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1981 sebagai Penolong Pengarah di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Beliau kemudiannya ditugaskan sebagai Pengurus Projek Kanan, Pengurusan Ekonomi dan Dasar Awam (PUTERA) di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Tan Sri Dr Ali berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya sebelum melanjutkan pelajaran ke Oklahoma State University, Amerika Syarikat di mana beliau menerima Ijazah Sarjana Ekonomi pada tahun 1986, diikuti Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sains Alam Sekitar dan Ekonomi pada tahun 1997.

Beliau merupakan Pengerusi Institut Integriti Malaysia (IIM), Pengerusi Bersama bagi Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) dan Timbalan Pengerusi Johor Corporation (JCorp).



DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID
Ahli

DATUK Wira Azhar Abdul Hamid, 52, adalah Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp.

Sebelum menyandang jawatan ini, beliau adalah Pengarah Urusan Sime Darby Plantation Sdn Bhd. Pada masa yang sama, beliau merupakan Pengarah Bahagian untuk Perladangan dan Makanan di Sime Darby Bhd. Datuk Wira Azhar pernah menjadi Pengerusi Persatuan Minyak Sawit Malaysia, dan ahli Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Majlis Minyak Sawit Malaysia. Beliau pernah menyandang jawatan Pengarah Urusan di Tractors Malaysia Holdings Bhd dan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan di Pernas International Holdings Bhd pada 2001.

Beliau adalah Akauntan Bertauliah dan merupakan Felo Persatuan Akauntan Bertauliah United Kingdom, selain menjadi ahli Institut Akauntan Malaysia.

Beliau juga adalah pengasas dan pemegang saham Chelsea Capital Sdn Bhd, sebuah syarikat pegangan pelaburan dan penasihat korporat yang menumpu kepada sektor minyak sawit, hartanah dan makanan.



**TAN SRI DR MOHD IRWAN SERIGAR
ABDULLAH**
Ahli

TAN Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, 56, adalah Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Sebelum perantikannya, beliau memegang beberapa jawatan di Kementerian Kewangan termasuk Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), di Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa kementerian tersebut dari 2003 sehingga 2008, beliau memegang jawatan Setiausaha Bahagian, Ketua Bahagian Perhubungan Pelbagai Hala, Ketua di Seksyen Ekonometrik, dan Ketua Penolong Setiausaha. Di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dari 1987 sehingga 1999, Tan Sri Dr Mohd Irwan berkhidmat sebagai Penolong Pengarah Kanan di Unit Penswastaan dan Penolong Pengarah Kanan di Unit Tenaga.

Beliau mempunyai kelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Tenaga, Pengurusan dan Dasar dari University of Pennsylvania; dan Ijazah Sarjana Muda dalam Kajian Populasi dari Universiti Malaya.

Tan Sri Dr Mohd Irwan adalah ahli lembaga untuk beberapa organisasi termasuk Malaysia Airline System (MAS), Petroleum National Berhad (PETRONAS), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Regional Development Authority (RECODA), Razak School of Government (RSOG), Tabung Haji (TH), The International Islamic University of Malaysia (IIUM) dan Bank Negara Malaysia (BNM). Beliau juga merupakan Pengerusi Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Prokhas Sdn Bhd dan Cyberview Sdn Bhd.

DATUK Dr Rahamat Bivi Yusoff, 56, adalah Ketua Pengarah di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau telah berkhidmat dalam Kerajaan lebih 30 tahun, bermula sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Cukai dan kemudiannya sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Kontrak dan Bekalan, kedua-duanya di Kementerian Kewangan. Datuk Dr Rahamat juga pernah berkhidmat sebagai Pegawai Projek di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Penolong Pengarah dan kemudiannya Timbalan Pengarah di Seksyen Makroekonomi dan Ketua Penolong Pengarah di Seksyen Industri dan Perkhidmatan di Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, dan Pengarah Bahagian Pembangunan Industri di Suruhanjaya Tenaga.

Datuk Dr Rahamat Bivi memegang kelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Ekonomi daripada

University of Western Michigan dan Doktor Falsafah dalam bidang Ekonomi daripada Australian National University, Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Sosial (Ekonomi) (Kepujian) daripada Universiti Sains Malaysia, dan Diploma dalam Pentadbiran Awam daripada INTAN.

Beliau merupakan ahli lembaga untuk agensi-agensi seperti Malaysia Thailand Joint Authority (MTJA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Datuk Dr Rahamat Bivi juga adalah ahli majlis Iskandar Regional Development Authority (IRDA), Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA), Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE) and East Cost Economic Region Development Council (ECERDC).



DATUK DR RAHAMAT BIVI YUSOFF
Ahli

DATO' Sri Shahril Mokhtar, 41, adalah Pengarah Urusan Kumpulan, Syarikat Prasarana Negara Bhd.

Sebelum dilantik ke jawatan itu, beliau pernah menjadi Ketua Pegawai Operasi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Sebelum itu, beliau adalah Pengurus Besar Perancangan Korporat di RapidKL. Beliau juga pernah dipinjamkan sebagai Penasihat di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, di mana beliau terlibat dalam penggubalan Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Dato' Sri Shahril juga terlibat di dalam makmal untuk penambahbaikan pengangkutan awam dibawah Program Transformasi Kerajaan.

Jawatan-jawatan yang pernah disandang Dato' Sri Shahril sebelum ini termasuk Pengurus Besar Penerbangan Malaysia Bhd, Pengurus di PricewaterhouseCoopers Malaysia, dan Eksekutif Kanan di Maybank Group.

Beliau mempunyai Ijazah Sarjana dalam Pengurusan (Kepujian) daripada Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Psikologi Organisasi dan Industri daripada University of Missouri.

Beliau juga merupakan Pengerusi Prasarana Integrated Development Sdn Bhd (PRIDE), ahli lembaga Rapid Rail Sdn Bhd, Rapid Bus Sdn Bhd dan Prasarana Integrated Management and Engineering Services Sdn Bhd (PRIME). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit MRT Corp.



DATO' SRI SHAHRIL MOKHTAR
Ahli

DATUK Che Mokhtar Che Ali, 58, adalah pengasas dan rakan kongsi di Tetuan Che Mokhtar & Ling, sebuah firma undang-undang di Kuala Lumpur.

Dengan pengalaman hampir 30 tahun sebagai pengamal undang-undang, Datuk Che Mokhtar telah berkhidmat sebagai ahli Panel Jawatankuasa Tatatertib dalam Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam dan pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa tersebut. Beliau pernah dilantik sebagai Notari Awam oleh Peguam Negara. Sebagai seorang peguam, beliau pernah mengendalikan kes-kes bagi pelbagai syarikat awam dan swasta, institusi perbankan, pemaju-pemaju, dan badan-badan berkanun seperti Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Beliau memegang kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sains Politik dan Pentadbiran Awam) dan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Victoria University di Wellington, New Zealand. Datuk Che Mokhtar diterima sebagai Peguamcara dan Peguambela di Mahkamah Agung New Zealand pada 1980 dan tiga tahun kemudian sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Majistret dan Timbalan Pendakwa Raya.

Datuk Che Mokhtar merupakan ahli lembaga syarikat-syarikat awam dan swasta termasuk Sumatec Resources Bhd dan KYS College Sdn Bhd. Beliau adalah bekas Pengarah Eco World Development Group Bhd (dahulunya dikenali sebagai Focal Aim Holdings Bhd), Idris Hydraulic (M) Bhd dan Idaman Unggul Sdn Bhd.



DATUK CHE MOKHTAR CHE ALI
Ahli

BARISAN PENGURUSAN





1 Datuk Wira Azhar Abdul Hamid
Ketua Pegawai Eksekutif

2 Marcus Levon Karakashian
*Pengarah
Projek*

3 Haris Fadzilah Hassan
*Pengarah
Hal Ehwal Pihak Berkepentingan
dan Pengurusan Tanah*

4 Syed Mahdhar Syed Hussain
*Pengarah
Piawaian dan Pemuatnahan*

5 Zainudin Ismail
*Pengarah
Sumber Manusia Strategik*

6 David Loo Kean Beng
Setiausaha Syarikat

7 Mohd Hairul Abdul Hamid
Ketua Pegawai Kewangan

8 Zaharudin Sa'at
*Pengurus Besar
Pembangunan Hartanah*

9 Amir Mahmood Razak
*Pengarah
Komunikasi Strategik
dan Perhubungan Awam*



PROJEK MRT LEMBAH KLANG

PROJEK MRT Lembah Klang melibatkan pembinaan jaringan pengangkutan awam yang berasaskan rel, yang akan berintegrasi dengan sistem sedia ada seperti transit aliran ringan (LRT), monorel, KTM Komuter, KLIA Ekspres dan KLIA Transit. Sistem pengangkutan rel ini akan menjadi tulang belakang perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang.

Projek ini diluluskan oleh Kerajaan pada Disember 2010. Laluan pertama yang dilaksanakan adalah MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang dengan jarak 51km.

Pembinaan laluan ini telah dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 8 Julai 2011.

Projek MRT ini telah dicadangkan oleh satu konsortium sektor swasta pada awal 2010. Cadangan tersebut adalah untuk pembinaan sistem MRT dengan tiga laluan.

Kerajaan telah mengkaji cadangan tersebut dan meluluskan pelaksanaan Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang sebagai laluan pertama sistem MRT Lembah Klang. Kerajaan juga memutuskan bahawa dua laluan yang lain akan dilaksanakan setelah kajian dijalankan menerusi Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang yang dirangka oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Projek MRT Lembah Klang merupakan satu Projek Penggerak Ekonomi di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang. Ianya merupakan salah satu daripada 12 NKEA yang merangkumi Program Transformasi Ekonomi (ETP). Program ini dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) di Jabatan Perdana Menteri.



MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG



LALUAN pertama yang dilaksanakan untuk Projek MRT Lembah Klang adalah MRT Larian Sungai Buloh-Kajang dengan jarak 51km.

Larian ini bermula dari Sungai Buloh yang terletak di kawasan barat laut Kuala Lumpur, melalui pusat bandar raya dan berakhir di Kajang, sebuah bandar yang pesat membangun di tenggara Kuala Lumpur.

Sepanjang 9.5km larian ini akan dibina bawah tanah. Terdapat 31 stesen di sepanjang stesen ini, di mana tujuh adalah stesen bawah tanah.


Fasa pertama MRT Larian Sungai Buloh-Kajang dari Stesen Sungai Buloh hingga

Stesen Semantan, akan beroperasi pada akhir 2016. Fasa kedua dari Stesen Semantan ke Stesen Kajang akan beroperasi pada Julai 2017 dan ini akan membolehkan tren beroperasi di seluruh larian.

Setiap tren mempunyai empat gerabak dengan kapasiti penumpang sebanyak 1,200 orang. Jumlah penumpang dijangka mencecah kira-kira 400,000 orang setiap hari. Kekerapan tren dijangka setiap 3.5 minit apabila dilancarkan.



STRUKTUR PROJEK





laporan kemajuan







PEMBINAAN

KERJA-KERJA pembinaan jajaran bertingkat MRT Laluan Sungai Buloh–Kajang terdiri daripada lapan pakej jejambat bertingkat yang melibatkan 24 stesen bertingkat dan dua depoh, iaitu satu di Sungai Buloh dan satu lagi di Kajang.

Kerja-kerja pembinaan bawah tanah pula melibatkan pembinaan terowong berkembar yang mempunyai jarak sejauh 9.5km dan tujuh stesen bawah tanah.

Pada penghujung tempoh tinjauan, kemajuan keseluruhan bagi kerja-kerja pembinaan bertingkat serta kerja-kerja pembinaan bawah tanah adalah 28%.

Bagi kerja-kerja pembinaan bahagian jajaran bertingkat serta untuk sistem, aspek elektrik dan mekanikal bagi projek ini, peranan Pasukan Projek MRT Corp adalah untuk menyelia kerja-kerja tersebut dan memastikan kerja-kerja tersebut dilaksanakan selaras dengan Keperluan Pemilik dan amalan terbaik industri.

Bagi kerja-kerja pembinaan bawah tanah, peranan Pasukan Projek MRT Corp adalah untuk menyelia kerja-kerja pembinaan dari segala aspek dan memastikan kerja-kerja tersebut mematuhi Syarat Kontrak dan Spesifikasi.

PAKEJ JAJARAN BERTINGKAT

PADA akhir September 2013, kerja-kerja Civil Bertingkat telah siap sebanyak 19.27%. Kemajuan tersebut meletakkan program ini tujuh minggu lewat berbanding tarikh sasaran paling awal siap dan lapan minggu lebih cepat berbanding tarikh sasaran paling lewat siap.

Kerja-kerja yang sedang berlangsung di kesemua lapan pakej jejambat melibatkan pengalihan utiliti yang menghalang pemasangan cerucuk serta pembinaan tukup cerucuk; pemasangan cerucuk bagi tiang-tiang dengan menggunakan cerucuk greek, cerucuk berpintal dan teknik kaison galian tangan; serta aktiviti-aktiviti berkaitan pembinaan tukup cerucuk dan tiang.

Pada akhir September 2013:

- 5,090 daripada 7,873 cerucuk telah dipasang (64%)
- 449 daripada 1,478 tukup cerucuk telah dibina (30%), dan
- 170 daripada 1,364 tiang telah didirikan (12%).

Untuk pembinaan jejambat MRT, enam gantri pelancar telah siap dipasang.


Tiga daripada gantri-gantri tersebut telah beroperasi sepenuhnya dan telah berjaya membina 14 rentang daripada jejambat tersebut. Baki tiga gantri sedang dalam proses pengujian dan pentauliah.

Acuan galang kekotak bersegmen untuk pembinaan jejambat sedang disiapkan, dengan 5,933 daripada 16,894 segmen (35%) telah siap.

Dua depoh bagi tujuan penyelenggaraan dan penyimpanan tren elektrik juga merupakan sebahagian daripada kerja-kerja jajaran bertingkat. Depoh utama terletak di Sungai Buloh dan depoh sokongan terletak di Kajang. Di Sungai Buloh, pembinaan bangunan Stok Kereta Api dan Bengkel Infrastruktur sedang dijalankan dengan lebih daripada 2,300 tan rangka keluli (67%) telah didirikan.

Selain itu, Bangunan Pentadbiran yang menempatkan Pusat Kawalan Operasi juga sedang dalam pembinaan, begitu juga landasan sisi untuk tren-tren elektrik yang kini dalam pembinaan. Di Kajang, kerja-kerja terhad kepada penambahbaikan tanah dengan menggunakan Saliran Tegak Pasang Siap (PVD), turus batu dan penambahan tanah.

PAKEJ KONTRAK SIVIL UTAMA



BAWAH TANAH

PADA akhir September 2013, Pakej Kerja Bawah Tanah telah siap sebanyak 41%. Ini meletakkan program ini 7 ½ minggu di belakang tarikh awal dan 2 ½ minggu di hadapan tarikh lewat.

Bagi kerja pembinaan stesen bawah tanah, kerja-kerja pemasangan empangan kekotak telah siap di empat daripada tujuh stesen. Stesen-stesen tersebut adalah stesen-stesen KL Sentral, Merdeka, Pasar Rakyat dan Cochrane. Tembok diafragma bagi membentuk empangan kekotak yang akan menempatkan stesen masih dalam pembinaan di Stesen Pasar Seni dan Bukit Bintang, manakala pemasangan cerucuk sekan sedang dilakukan di Stesen MRT Maluri.

Penggalian kekotak stesen sedang dijalankan atau telah siap di enam stesen iaitu KL Sentral, Pasar Seni, Merdeka, Pasar Rakyat, Cochrane dan Maluri. Status kemajuan stesen-stesen ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

Merujuk kerja-kerja penggalian terowong, kesemua 10 Mesin Pengorek Terowong (TBM) telah sampai di Malaysia, dan penggalian terowong sedang dijalankan dengan empat daripada 10 mesin yang diperlukan. Tiga TBM lagi sedang dalam proses pemasangan/ pengujian/pentauliahan.

Pada akhir bulan September 2013, 1,693 m terowong telah dibina.

SISTEM

PADA akhir September 2013, kesemua 12 Kontrak Sistem telah dianugerahkan. Kontraktor-kontraktor Sistem kini sedang melakukan proses reka bentuk dan perolehan bahan-bahan yang memerlukan masa penyediaan panjang. Status kemajuan adalah 22.75%.

Bagi Kontrak Tren Elektrik, pembuatan gerabak sedang dijalankan di Puzhen, China. Gerabak pertama akan dihantar ke Malaysia pada Mei 2014.

Bagi Kontrak Peralatan Depoh, kesemua bahan yang memerlukan masa penyediaan panjang telah ditempah.

Bagi Kontrak Semboyan dan Kawalan Kereta Api, dokumen-dokumen reka bentuk akhir telah diterima dan kini sedang diteliti.

Bagi Kontrak Pintu Skrin Platform, semua isu-isu berkaitan reka bentuk telah diselesaikan dan pelan penyerahan perolehan/ pembuatan telah diluluskan.

Bagi Kontrak Pembinaan Landasan, reka bentuk terperinci sedang dibuat dan pemeriksaan kemudahan pembuatan belokan keluar/ penyilangan di India sedang dilakukan.

STATUS PEMBINAAN STESEN*

STESEN	KAEDAH PEMBINAAN	STATUS KEMAJUAN
KL Sentral	Atas ke bawah	Empangan kekotak telah siap. Kerja penggalian besar-besaran di bawah papak bumbung hingga papak aras ruang legar sedang dijalankan dan telah siap 88%. Papak bumbung telah siap sepenuhnya dan papak aras ruang legar telah siap 67%.
Pasar Seni	Separa atas ke bawah/ bawah ke atas	Pembinaan tembok diafragma bagi empangan kekotak sedang dijalankan. Kerja penggalian sedang dijalankan di tapak Perhentian Bas Klang.
Merdeka	Bawah ke atas	Empangan kekotak telah siap. Pemasangan topang-topang lapisan ketiga sedang dijalankan. Penggalian bagi topang-topang lapisan keempat sedang dijalankan. Penggalian keseluruhan telah siap 50%.
Bukit Bintang	Atas ke bawah	Pembinaan tembok diafragma Fasa Satu telah siap. Penggalian bagi papak bumbung Fasa Satu sedang dijalankan dan telah siap 30%.
Pasar Rakyat	Bawah ke atas	Pemasangan pemotong cerucuk sekan telah siap. Penggalian sedang dijalankan dan telah siap 49%.
Cochrane	Bawah ke atas	Penggalian siap sepenuhnya. Papak dasar telah siap 83%. Pembinaan dinding tepi dari papak dasar hingga papak aras ruang legar sedang dijalankan.
Maluri	Bawah ke atas	Kerja pemasangan cerucuk gerakan sekan bagi empangan kekotak hampir siap. Penggalian bagi kekotak stesen sedang dijalankan.

*Status pada 30 September 2013

Jadual 1 • Status Pembinaan Stesen







PEROLEHAN

PELBAGAI peristiwa penting telah berlaku bagi Projek MRT di sepanjang tempoh di bawah tinjauan. Sementara sejumlah besar pakej kerja telah dianugerahkan pada tahun kewangan yang lepas, sebanyak 23 pakej kerja telah dianugerahkan di sepanjang tempoh kewangan di bawah tinjauan. Senarai pakej kerja yang telah dianugerahkan adalah seperti dalam Jadual 1.

Perolehan untuk pakej-pakej kerja di atas mematuhi sepenuhnya Dasar dan Prosedur Perolehan (atau 3P: Procurement Policies and Procedures) KVMRT. Kebanyakan tender tersebut telah diiklankan di dalam akhbar tempatan Bahasa Melayu dan Inggeris. Manakala beberapa tender seperti Pakej Sistem dan Pakej Penghadang Bunyi telah diiklankan dalam warta kereta api antarabangsa demi memastikan bahawa kontraktor-kontraktor yang berkaitan turut dijemput untuk mengambil bahagian.


Tender-tender ini juga telah diumumkan menerusi laman web rasmi Projek MRT.

Taklimat tender dan lawatan ke tapak kerja kemudiannya dijalankan untuk meningkatkan kefahaman mengenai skop kerja untuk sesuatu tender bagi mereka yang berminat mengambil bahagian. Taklimat tender dan lawatan ke tapak kerja ini merupakan syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi sebarang pembelian dokumen tender dan penyertaan dalam tender.

PENGANUGERAHAN PAKEJ KERJA PADA TAHUN KEWANGAN 2012-2013

NO.	KATEGORI PAKEJ	BILANGAN PROJEK YANG DIANUGERAHKAN DARI 1 OKT 2012 HINGGA 30 SEP 2013	JUMLAH PROJEK YANG TELAH DIANUGERAHKAN
1.	Kerja Awalan	-	22
2.	Jejambat	-	8
3.	Stesen	3	8
4.	Depoh	-	2
5.	Bangunan Letak Kereta Bertingkat	1	2
6.	Sistem	8	12
7.	Perolehan Berpusat	11	13
8.	Kerja-kerja Bawah Tanah	-	1
JUMLAH		23	68

Jadual 1 • Penganugerahan Pakej Kerja pada tahun kewangan 2012-2013



PERINGKAT KELULUSAN JAWATANKUASA PEROLEHAN SEHENTI

PERINGKAT	NILAI TENDER (RM)	PENGERUSI
OSPC I	Melebihi RM 300 juta	Menteri Kewangan
OSPC II	Antara RM 50 juta hingga RM 300 juta	Menteri Kewangan II
OSPC III	Kurang dari RM 50 juta	Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Jadual 2 • Peringkat Kelulusan Jawatankuasa Perolehan Sehenti

Apabila proses panggilan tender selesai, Jawatankuasa Penilaian Tender menyemak semula penyerahan tender. Proses penilaian dilakukan oleh empat jawatankuasa utama yang membuat penilaian tender di dalam persekitaran yang terkawal dan dipantau ketat— dari aspek teknikal, kewangan, perundangan dan komersial.

Cadangan daripada Jawatankuasa ini kemudiannya dibentangkan kepada Jawatankuasa Kerja (WC). WC akan menilai dan mengesyorkan kepada Jawatankuasa Teknikal Sehenti (OSTC) yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Wira Azhar Abdul Hamid. OSTC kemudian membuat cadangan selanjutnya kepada Jawatankuasa Perolehan Sehenti (OSPC). Peringkat kelulusan dan Pengerusi bagi setiap OSPC ditunjukkan dalam Jadual 2.

Sepanjang tempoh tinjauan, sebanyak 38 mesyuarat telah diadakan untuk membincangkan dan seterusnya memersetujui kesemua tender-tender bagi Projek MRT. Butir-butir mesyuarat tersebut adalah seperti dalam Jadual 3.

Syarikat-syarikat antarabangsa juga diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam proses tender Pakej Sistem. Sebanyak 12 kontrak telah dianugerahkan kepada syarikat-syarikat ternama antarabangsa. Demi memenuhi agenda nasional, sekurang-kurangnya 30% daripada nilai suatu kontrak perlu dianugerahkan kepada subkontraktor Bumiputera, sama ada secara langsung atau melalui persetujuan usaha sama.

SENARAI MESYURARAT JAWATANKUASA

NO.	JENIS MESYURARAT	BILANGAN MESYURARAT
1.	Jawatankuasa Kerja (WC)	13
2.	Jawatankuasa Teknikal Sehenti (OSTC)	7
3.	Jawatankuasa Perolehan Sehenti (OSPC)	9
	OSPC III	4
	OSPC II	4
	OSPC I	1

Jadual 3 • Senarai Mesyuarat Jawatankuasa





HAL EHWAL TANAH

PROSES pengambilan tanah bagi Projek MRT bermula pada tahun 2011. Proses ini telah dibahagikan kepada lima fasa, di mana tiga fasa melibatkan tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan dua fasa lagi melibatkan tanah di Selangor.

Sebanyak 516 lot telah dikenal pasti selaras dengan Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 sebagai tanah berpotensi untuk diambil bagi Projek MRT. Setelah Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang diluluskan, sebanyak 406 lot tanah telah diwartakan di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi tujuan pengambilan. Daripada keseluruhan jumlah ini, 256 lot terletak di Selangor manakala 150 lot terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pada akhir tempoh tinjauan, urusan pengambilan tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah berjaya diselesaikan manakala di Selangor, perbincangan bagi dua baki lot tanah masih lagi dalam proses penyelesaian.

Berikutan pelaksanaan konsep perwujudan bersama (coexistence) menerusi skim Persetujuan Bersama antara pihak MRT Corp dan pemilik-pemilik tanah, maka peng wartaan bagi pengambilan beberapa lot tanah telah dibatalkan.

Bayaran pampasan bagi pengambilan tanah dibuat oleh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Wilayah Persekutuan dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Pada akhir tempoh tinjauan, sebanyak RM1,523,965,997.86 telah dibayar sebagai pampasan kepada pemilik tanah yang tanahnya telah diambil.

PERSETUJUAN BERSAMA

SKIM Persetujuan Bersama telah dilaksanakan oleh MRT Corp bagi membolehkan perwujudan bersama (coexistence) terhadap tanah milik persendirian dengan jajaran MRT dalam keadaan-keadaan tertentu. Skim ini memberi ruang kepada beberapa pemilik tanah yang pada asalnya akan diambil selaras dengan Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk mengekalkan pemilikan tanah mereka, tertakluk kepada hak milik tanah yang menunjukkan wujudnya struktur MRT.

Salah satu pencapaian sepanjang tahun dalam tinjauan adalah majlis menandatangani Persetujuan Bersama dengan pemilik hartanah di sepanjang Jalan Sultan. Sebanyak 21 lot telah dikenal pasti untuk turut serta dalam skim Persetujuan Bersama di mana pemilik tanah akan terus memegang hak hartanah mereka sementara membenarkan terowong MRT dibina di bawah tanah tersebut. Rundingan dengan kesemua pemilik tanah tersebut telah berjaya dilakukan, melainkan pemilik satu lot. Proses pengambilan tanah terakhir ini telah diselesaikan oleh Kerajaan.

Sehingga 30 September 2013, pemilik 50 lot tanah telah menandatangani Persetujuan Bersama di kawasan-kawasan di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

PENGAMBILAN TANAH BAGI PROJEK MRT LEMBAH KLANG

PERKARA	SELANGOR		KUALA LUMPUR		
	FASA 1	FASA 2	FASA 1	FASA 2	FASA 3
Bil. Lot Diwartakan	89	167	1	94	55
Bil. Lot Telah Diambil	64	162	2	43	27
Tanah Milik Negara/ Rizab	10	7	-	1	1
Persetujuan Bersama	4	-	-	42	5
Lot untuk Dibatalkan	11	5	-	8	22
Pengambilan Tanah Tambahan	-	5	1	-	-
Jumlah Pampasan (RM)	95,396,522.78	487,245,965.98	125,687,673.30	546,308,083.40	269,327,752.40
JUMLAH KESELURUHAN (RM)	RM1,523,965,997.86				





KUARTERS PEKERJA MRT



MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd telah memperkenalkan konsep Kwarters Pekerja MRT (CLQ) bagi projek ini, sekali gus telah mewujudkan satu piawaian baru untuk penempatan pekerja asing yang bekerja dalam industri pembinaan di Malaysia.

1 RUMAH JAUH DARI KAMPUNG HALAMAN

Pandangan udara Kwarters Pekerja MRT Cheras pada waktu malam.

2 PEMERIKSAAN

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Wira Azhar Abdul Hamid menyambut delegasi atase pekerja asing pada 17 Jun 2013.

3 WAKTU HIDANGAN MAKAN

Pekerja-pekerja Projek MRT menikmati hidangan makan malam di ruang makan dan dapur umum.

4 SELESA

Keadaan kabin dalam Kwarters Pekerja Berpusat.

Menerusi konsep CLQ, para pekerja asing akan ditempatkan dalam empat kompleks yang berfungsi sebagai sebuah bandar mini, lengkap dengan tempat tinggal yang selesa dan pelbagai kemudahan lain. Terdapat sebanyak 11 CLQ dibina di empat buah kompleks; di Sungai Buloh (enam CLQ), Cheras (dua CLQ), Cochrane (satu CLQ) dan Kajang (dua CLQ).

Pada hujung tempoh tinjauan, kesemua CLQ di Sungai Buloh, Cochrane dan Cheras beroperasi sepenuhnya manakala CLQ di Kajang masih lagi belum beroperasi secara penuh. Sepanjang tempoh hingga 30 September 2013, jumlah penghuni di CLQ adalah lebih 3,500 orang yang terdiri daripada pekerja asing serta pekerja warganegara Malaysia.

Pergerakan keluar masuk pekerja-pekerja dari CLQ dipantau dengan teliti. Kemudahan pengangkutan disediakan bagi membawa pekerja ke tapak lokasi kerja masing-masing setiap hari dan mereka dibawa pulang ke CLQ sejurus tamatnya syif kerja mereka. Pemeriksaan permit pekerja asing dijalankan secara berkala sementara aspek keselamatan, kebajikan dan keperluan asas mereka disediakan di setiap CLQ.

Sekitar 12,000 orang pekerja asing dijangka akan diambil bekerja untuk pembinaan MRT jajaran Sungai Buloh-Kajang.

PERHUBUNGAN AWAM DAN HAL EHWAL PIHAK BERKEPENTINGAN



KOMUNIKASI merupakan komponen penting bagi mana-mana projek pembangunan besar, dan begitu juga bagi Projek MRT Lembah Klang. Projek MRT berpotensi untuk memberi pelbagai manfaat kepada hampir setiap penduduk di Lembah Klang, justeru adalah penting untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat umum tentang kepentingan projek ini.

Aktiviti-aktiviti pembinaan sedang dijalankan di keseluruhan 51 km Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang dan penglibatan dengan pihak berkepentingan yang menerima kesan langsung daripada aktiviti-aktiviti projek perlu dilaksanakan juga.

PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN

SEJAK ditubuhkan, MRT Corp telah berjanji untuk menetapkan piawaian baru dalam sektor pembinaan, khususnya dari segi penglibatan pihak berkepentingan. MRT Corp telah mempraktikkan suatu amalan piawaian di mana masyarakat ataupun syarikat perniagaan yang berhampiran dengan laluan MRT dan berpotensi mendapat kesan daripada aktiviti pembinaan Projek MRT perlu sentiasa dimaklumkan akan kegiatan-kegiatan pembinaan.

Langkah penglibatan pihak berkepentingan yang dilaksanakan, merangkumi sesi dialog bersama masyarakat hingga ke pertemuan langsung empat mata antara pihak MRT Corp dan masyarakat, telah terbukti dapat

memberi ruang kepada masyarakat untuk menyuarakan isu-isu serta memberi maklum balas berkaitan Projek MRT supaya MRT Corp dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk menangani kesulitan mereka.

Setiap pihak yang terlibat dalam Projek MRT, iaitu MRT Corp, PDP dan Kontraktor Pakej Kerja yang berkaitan hadir di setiap sesi dialog dan pertemuan tersebut, justeru isu-isu yang dibangkitkan boleh diselesaikan secara menyeluruh.

Sepanjang tempoh tinjauan, lebih 60 sesi pertemuan telah diadakan bersama penduduk, persatuan-persatuan penduduk, komuniti perniagaan, peniaga-peniaga kecil dan pihak berkepentingan yang lain. Maklum balas yang sering diutarakan masyarakat termasuklah isu pencemaran bunyi yang berpunca daripada kerja-kerja pembinaan, kesesakan lalu lintas dan kebimbangan tentang lokasi tempat tinggal mereka yang berdekatan dengan jajaran MRT.

1 LAWATAN BERKUMPULAN

MRT Corp sentiasa menerima kunjungan daripada pelajar-pelajar sekolah dan pelawat-pelawat lain di Pusat Informasi MRT.

2 AKSES YANG MUDAH

Trak Informasi MRT ditempatkan di acara-acara, pasar malam dan kawasan-kawasan lain yang padat dengan pejalan kaki.

3 MENARIK

Dua set Kios Informasi MRT memberi akses mudah kepada orang awam untuk mendapatkan maklumat tentang Projek MRT.

4 SENTIASA BERHUBUNG

Pertemuan berterusan dengan orang ramai dapat memberi kefahaman kepada penduduk yang menetap berhampiran laluan MRT mengenai kerja-kerja pembinaan yang sedang dijalankan.

5 TAHNIAH

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Wira Azhar Abdul Hamid (kiri) dan Pengarah Eksekutif MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd Dato' Azmi Mat Nor bersama pemenang-pemenang peraduan melengkapkan slogan "Saya perlu MRT sebab ..." pada majlis makan malam kemuncak pada 29 Januari 2013.

6 BERINFORMASI

MRT Corp sentiasa bertemu dengan pihak media yang juga merupakan pemegang berkepentingan utama bagi Projek MRT.





Mereka juga menyuarakan harapan agar Projek MRT dapat diselesaikan dengan secepat mungkin supaya segala kesulitan ini dapat dikurangkan. Pertemuan secara berterusan dengan pihak berkepentingan membolehkan MRT Corp menyelesaikan beberapa isu kritikal. Sepanjang tempoh tinjauan, MRT Corp berjaya menandatangani Peretujuan Bersama dengan semua pemilik tanah kecuali bagi satu unit hartanah di Jalan Sultan, di mana pemilik-pemiliknya memersetujui perwujudan bersama (coexistence) ke atas hartanah yang berada di atas terowong MRT itu.

Persetujuan juga telah dicapai bersama penduduk-penduduk di kawasan lain seperti Taman Sri Raya, Kampung Sungai Raya, Kampung Landasan dan Jalan Peel.

Selari dengan kegiatan pembinaan yang kini rancak dilaksanakan, MRT Corp akan terus menjalankan penglibatan bersama pemegang berkepentingan.

SALURAN INFORMASI DAN MAKLUM BALAS

SELAKU projek berkepentingan negara, MRT Corp telah menyediakan beberapa saluran bagi membolehkan masyarakat awam mendapat maklumat terkini mengenai perkembangan Projek MRT, serta untuk memberikan maklum balas atau membuat aduan.

Pusat Informasi MRT

Pusat Informasi MRT (MIC) telah ditubuhkan pada Disember 2011 dan berfungsi sebagai tempat bagi orang ramai mendapatkan maklumat mengenai Projek MRT. Selain maklumat yang dipaparkan dan edaran risalah, MIC juga dilengkapi dengan aplikasi interaktif skrin sesentuh "Hawkeye" yang memaparkan pandangan 360 darjah dari atas laluan MRT Sungai Buloh- Kajang.

Pada asalnya terdapat lima MIC yang telah ditubuhkan, tetapi berikutan langkah rasionalisasi kos yang telah dijalankan semasa tempoh tinjauan, jumlah MIC ini telah dikurangkan menjadi satu, iaitu di Taman Tun Dr Ismail. MIC ini akan dipindahkan ke Damansara Utama menjelang suku pertama 2014.

Sebuah Galeri MRT telah dibuka di ibu pejabat MRT Corp di mana ianya berfungsi seperti MIC dan memperkenalkan para pengunjung kepada Projek MRT.

Sepanjang tempoh tinjauan, MIC telah menerima seramai 5,896 pengunjung (lihat Jadual 1).

Kios Informasi MRT

Terdapat dua Kios Informasi MRT (MIK) bergerak yang ditempatkan secara bulanan di pelbagai pusat membeli belah, pasar raya, hub pengangkutan dan pusat-pusat aktiviti lain. MIK sentiasa menarik perhatian ramai dan berjaya menerima 53,214 pengunjung sepanjang tempoh tinjauan (lihat Jadual 2).

Trak Informasi MRT (MIT)

Trak Informasi MRT (MIT) telah dilancarkan oleh MRT Corp pada Jun 2012 untuk memudahkan orang awam mendapatkan maklumat tentang Projek MRT. Dengan adanya MIT, MRT Corp dapat mendekati masyarakat tanpa memerlukan orang ramai untuk datang ke pusat informasi bagi mendapatkan maklumat. MIT mempunyai papan maklumat yang lengkap dengan butiran dan informasi mengenai projek serta dua aplikasi interaktif skrin sesentuh "Hawkeye".


MIT telah ditempatkan di pusat-pusat membeli belah, pejabat, masjid, sekolah dan kolej, pasar pagi dan pasar malam, serta pelancaran projek hartanah.

Sepanjang tempoh tinjauan, MIT telah menerima 27,525 pelawat (lihat Jadual 3).


Hotline MRT

Projek MRT mengendalikan perkhidmatan talian hotline dengan nombor 1-800-82-6868 yang beroperasi sejak Disember 2011 bagi memudahkan orang awam mendapatkan maklumat, memberi maklum balas dan membuat aduan. Talian hotline ini pada asalnya hanya beroperasi pada waktu pejabat tetapi telah beroperasi 24 jam mulai 1 April 2013.


Sepanjang tempoh tinjauan, talian Hotline MRT telah menerima sebanyak 942 panggilan, meningkat daripada 334 panggilan pada tahun kewangan yang lepas (lihat Jadual 4). Daripada 942 panggilan, 66% diklasifikasikan sebagai panggilan aduan dan aduan-aduan tersebut telah dapat diselesaikan dalam tempoh seperti yang ditetapkan di dalam prosedur operasi standard untuk sistem pengurusan aduan.




Jadual 1 • Bilangan Pelawat ke Pusat-pusat Informasi MRT



Jadual 2 • Bilangan Pelawat ke Kios Informasi MRT



Jadual 3 • Bilangan Pelawat Trak Informasi MRT



Jadual 4 • Jumlah Panggilan yang dibuat ke Hotline MRT

KEMPEN DAN ACARA

SEPANJANG tempoh tinjauan, pelbagai kempen dan program telah dirancang untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang Projek MRT. Objektif program-program ini adalah untuk mendidik orang ramai mengenai kepentingan MRT dan memberi maklumat terkini tentang perkembangan pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang.

Pada 30 Mei 2013, MRT Corp telah mengadakan majlis pelancaran Mesin Pengorek Terowong Variable Density pertama yang disempurnakan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Permulaan kerja penggalian terowong melakar peristiwa yang sangat penting bagi Projek MRT sejak kerja-kerja pembinaan projek bermula pada 8 Julai 2011 yang turut dirasmikan oleh Perdana Menteri.

MRT Corp turut menjadi hos bagi beberapa siri lawatan ke tapak pembinaan Projek MRT oleh orang-orang kenamaan sepanjang tempoh tinjauan, bermula dengan lawatan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 4 Januari 2013, Jawatankuasa Kerja MRT yang diketuai oleh Pengerusinya, iaitu Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa pada 14 Februari 2013 serta Jawatankuasa Pemandu Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley pada 25 March 2013.

Selain lawatan itu, MRT Corp juga telah menjadi hos bagi beberapa lawatan dari institusi-institusi pengajian tinggi.

Peraduan "Saya perlu MRT sebab..." anjuran MRT Corp yang berlangsung selama tiga bulan dari September 2012 hingga November 2012 berakhir dengan acara kemuncak makan malam pada 29 Januari 2013. Pemenang hadiah utama telah menerima hadiah wang tunai RM10,000 sementara tiga pemenang bulanan menerima hadiah bernilai RM5,000 seorang.

Acara-acara lain yang dianjurkan oleh MRT Corp termasuklah sesi mencabut undi bagi kontraktor-kontraktor Bumiputera pada 30 Januari 2013 dan Rumah Terbuka Hari Raya Aidil Fitri pada 22 Ogos 2013. MRT Corp juga mengambil bahagian dalam beberapa pameran yang dianjurkan agensi-agensi Kerajaan, serta acara perasmian dan pameran hartanah oleh pemaju perumahan.

Di setiap acara ini, MRT Corp mempromosikan gaya hidup pengangkutan rel bandar kepada pengunjung. Sesi-sesi ini sering menyetengahkan sebab mengapa Kuala Lumpur memerlukan sistem pengangkutan rel bandar dan menunjukkan bahawa MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang terintegrasi dengan sistem-sistem rel lain di Kuala Lumpur.







PENYERTAAN BUMIPUTERA



SEJAJAR dengan Agenda Bumiputera oleh Kerajaan, MRT Corp perlu menetapkan sasaran di mana 43% daripada nilai keseluruhan kontrak-kontrak bagi Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang dianugerahkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera.

Sasaran ini merangkumi peluang bagi penyertaan kontraktor-kontraktor Bumiputera Kelas G3, G4 (kedua-duanya adalah Kelas D sebelum ini), G2 (dahulunya Kelas E) dan G1 (dahulunya Kelas F) agar syarikat-syarikat ini dapat meningkatkan prestasi perniagaan mereka dan akhirnya mampu bersaing secara kompetitif dalam industri pembinaan dan kereta api di dalam dan luar negara.

Sehingga 30 September 2013, sebanyak 29 pakej kerja telah dianugerahkan kepada kontraktor Bumiputera dengan jumlah keseluruhan bernilai RM9.36 bilion. Ini termasuk 16 pakej kerja yang telah dibuka khusus kepada kontraktor Bumiputera dan 12 pakej kerja yang telah dibuka kepada semua kontraktor.

Nilai tersebut merangkumi 12 Kontrak Sistem yang telah dianugerahkan, di mana sekurang-kurangnya 30% daripada nilai kontrak telah disubkontrak kepada subkontraktor Bumiputera sama ada secara langsung atau melalui persetujuan usaha sama.

Butiran bilangan dan nilai pakej kerja yang dianugerahkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera dirumuskan dalam Jadual 1.

Sepanjang tempoh tinjauan, sebanyak 44 pakej kerja dengan jumlah sebesar RM20 juta turut telah dianugerahkan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera daripada Kelas G1, G2, G3 dan G4. Pakej-pakej kerja ini telah dianugerahkan melalui cabutan undi (atau balloting) di mana kontraktor-kontraktor dicabut daripada kalangan 550 syarikat-syarikat Bumiputera.

Kontraktor-kontraktor yang berjaya dipilih perlu melalui kursus wajib iaitu Kursus Latihan Kontraktor Bumiputera D (G3/G4) E (G2) F (G1) Projek MRT yang dianjurkan oleh MRT Corp dengan kerjasama Pusat Khidmat Kontraktor Kementerian Kerja Raya, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) dan Ikram Sdn Bhd.

Sesi cabutan undi yang seterusnya dijangka akan diadakan pada bulan Disember 2013 untuk penganugerahan 55 pakej kerja.

1 TAHNIAH

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Wira Azhar Abdul Hamid bergambar bersama kontraktor-kontraktor bumiputera yang telah berjaya.

2 TELUS

Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Dato' Mokhtar Samad sedang mencabut nama peserta untuk dianugerahkan kontrak.

PROGRAM KEUSAHAWANAN GRADUAN MUDA MRT

SALAH satu inisiatif di bawah Agenda Bumiputera MRT Corp adalah Program Keusahawanan Graduan Muda MRT. Program ini diperkenalkan dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) yang menjadi sebahagian daripada usaha berterusan untuk melahirkan usahawan-usahawan baru di kalangan graduan Bumiputera.

Program Keusahawanan Graduan Muda MRT menyediakan platform alternatif kepada graduan muda Bumiputera untuk menceburi bidang keusahawanan dengan memulakan perniagaan mereka dalam sektor pembinaan, bagi membolehkan mereka mendapat pengalaman secara langsung.

Sehingga 30 September 2013, seramai 14 graduan telah menjalani latihan dengan PDP untuk tempoh antara enam hingga 12 bulan. Program latihan tersebut direka untuk memberi pendedahan dan cara pendekatan terbaik dalam industri pembinaan. Pelatih-pelatih akan dinilai oleh MRT Corp, PUNB dan PDP dan sekiranya berjaya, mereka akan menubuhkan syarikat mereka sendiri dan dianugerahkan pakej kerja bagi Projek MRT. Sehingga akhir tempoh tinjauan, sebanyak empat syarikat telah ditubuhkan oleh para graduan terpilih dan mereka dijangka akan mendapat pakej kerja pada November 2013.

Sejumlah 20 pakej kerja telah dikenal pasti di bawah program ini.



MEMBERI NASIHAT

Datuk Wira Azhar Abdul Hamid sedang berkongsi pengalaman beliau dengan peserta-peserta keusahawanan Graduan Muda.

STATUS PENYERTAAN BUMIPUTERA SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2013

BIL	PENERANGAN	SASARAN KERAJAAN UNTUK BUMIPUTERA		PAKEJ TELAH DIANUGERAHKAN SEHINGGA KINI		PAKEJ TELAH DIANUGERAHKAN SEHINGGA KINI (TERBUKA)		PAKEJ TELAH DIANUGERAHKAN KEPADA BUMIPUTERA SEHINGGA KINI		PAKEJ TELAH YANG MASIH BELUM DIANUGERAHKAN		RAMALAN AKHIR PAKEJ BUMIPUTERA	
		Bil	RM (Jut)	Bil	RM (Jut)	Bil	RM (Jut)	Bil	RM (Jut)	Bil	RM (Jut)	Bil	RM (Jut)
1.	Kerja Awalan			22	0,174	12	0,097	10	0,076			10	0,076
2.	Jejambati Stesen ii Perolehan Berpusat	3	1,350	8	7,389	5	4,367	3	3,022	4		3	3,022
		3	0,490	13		2	8	6				6	9
3.	Bukan Kerja-kerja Awam		1,800	12	4,010	12	2,719		1,291				1,291
4.	Depoh	1	0,400	2	0,655			2	0,655			2	0,655
5.	Medan Letak Kereta Bertingkat	9	0,270	2	0,176			2	0,176	6	0,154	8	0,330
6.	Kerja-Kerja Bawah Tanah	0.5	4,250	1	8,280	0.5	4,140	0.5	4,140			0.5	4,140
	JUMLAH	16.5	8,560	68	20,683	39.5	11,323	28.5	9,360	10	0,154	38.5	9,514

Jadual 1 • Status Penyertaan Bumiputera sehingga 30 September 2013

PROGRAM OFFSET

DASAR Offset Kerajaan telah mewujudkan sebuah platform kerjasama dengan kontraktor-kontraktor dari luar negara yang terlibat dalam projek-projek Kerajaan, berteraskan objektif untuk memperoleh faedah nilai tambah yang seterusnya akan menyumbang dalam pembangunan ekonomi Malaysia, terutamanya dalam sektor teknologi negara.

Kerjasama ini merangkumi aspek-aspek seperti pemindahan teknologi dari kontraktor kepada penerima offset terpilih, peningkatan penggunaan kandungan dan bahan-bahan tempatan, mewujudkan usaha sama dan perkongsian pintar, serta memupuk pengkomersialan teknologi untuk negara.

Bagi Projek MRT, Program Offset telah diperkenalkan dalam beberapa Pakej Kerja Sistem tertentu dan telah dimulai semasa dalam tempoh tinjauan.


Pakej Kerja yang dimaksudkan adalah:

- Pembinaan terowong dan kerja-kerja bawah tanah
- Stok kereta api
- Isyarat dan sistem kawalan kereta api
- Pembinaan landasan
- Sistem kutipan tambang automatik
- Bekalan kuasa & sistem pengedaran

Manfaat ekonomi yang telah berjaya dicapai dari segi Nilai Kredit Offset (OCV) adalah sebanyak RM 2.859 bilion. Butir-butir keberhasilan OCV ditunjukkan dalam Jadual 1.



KEBERHASILAN NILAI KREDIT OFFSET PROJEK MRT



1 PERHATIAN PENUH

Kakitangan MRT Corp sedang menjalani latihan kemahiran praktikal di bawah Program Offset Projek MRT.

2 TERPILIH

Perwakilan MRT Corp di Erlangen, Jerman, mengikuti Program Offset Projek MRT bersama Siemens AG.

SOROTAN PENTING



Kakitangan MRT Corp dan pihak media dari Malaysia bergambar di acara penerimaan TBM Variable Density pertama di kilang pembuatan Herrenknecht AG di Schwanau, Jerman pada 22 November 2012.



Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak diberi taklimat oleh Pengarah Terowong Bawah Tanah MRT Corp En. Blaise Pearce semasa lawatan mengejut beliau ke Syaf Pelancaran Cochrane pada 4 Januari 2013.



Pemegang Hadiah Utama Puan Angeline Tu Sun Ing bergambar bersebelahan sebuah poster yang menunjukkan penyertaan yang dimenanginya pada 29 January 2013.



Ketua Eksekutif CIDB Malaysia Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abdul Karim (dua dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Wira Azhar Abdul Hamid (dua dari kanan) bertukar dokumen selepas menandatangani Memorandum Persefahaman untuk menjadikan Projek MRT Lembah Klang sebagai kayu ukur industri dari aspek kualiti pembinaan dan kepatuhan kepada prosedur keselamatan dan kesihatan pada 21 Februari 2013.



Ujian bebanan dijalankan ke atas gantri pelancar pertama di bawah Pakej V6 berhampiran Bandar Tun Hussein Onn pada 9 April 2013.




Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Sri Idris Jala melawat Syaf Pelancaran Cochrane pada 28 Mei 2013.



Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Dato' Mokhtar Samad, mencabut undi semasa proses pengundian bagi 44 pakej kerja untuk kontraktor-kontraktor Bumiputera daripada Kelas G1, G2, G3 dan G4 pada 30 Januari 2013.



Mesin Pengorek Terowong Variable Density pertama di dunia dihantar ke Syaf Pelancaran Cochrane selepas tiba dari Jerman pada 1 Februari 2013



Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak merasmikan Mesin Pengorek Terowong Pembolehubah Ketumpatan yang pertama di dunia dan permulaan kerja-kerja penggalian terowong di Syaf Pelancaran Cochrane pada 30 Mei 2013.



Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif MRT Tan Sri Dr Ali Hamsa mengetuai rombongan kunjungan oleh Exco MRT ke sekitar Projek MRT pada 14 Februari 2013.

laporan kewangan





PENYATA KEWANGAN

PEMBIAYAAN untuk Projek MRT diperuntukkan sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia melalui DanaInfra Nasional Berhad (DanaInfra) yang merupakan sebuah syarikat tujuan khas (SPV) yang ditubuhkan khusus untuk mendapatkan pembiayaan bagi projek-projek infrastruktur Kerajaan.

Pada hujung tempoh tinjauan, DanaInfra telah menerbitkan tiga siri Sukuk berjumlah RM6.5 bilion. Sukuk tersebut mempunyai tempoh matang antara tujuh hingga 25 tahun, dengan kadar keuntungan antara 3.62% hingga 5.10%.

Tahun Kewangan berakhir 30 September 2013

Sorotan Penting Kewangan

Jumlah dalam RM'000

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI	Bagi tahun 2013	Bagi tahun 2012	+/-
	Diaudit	Diaudit	
Pendapatan lain	649	3,316	(2,667)
Pendapatan kewangan	462	124	338
Perbelanjaan pentadbiran	(21,305)	(10,430)	(10,875)
Kos kewangan	(3)	(212)	209
Kerugian sebelum cukai	(20,197)	(7,202)	(12,995)
Perbelanjaan cukai	-	(31)	31
Kerugian bersih bagi tahun	(20,197)	(7,233)	(12,964)

Tahun Kewangan berakhir 30 September 2013

Sorotan Penting Kewangan

Jumlah dalam RM'000

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	Bagi tahun 2013	Bagi tahun 2012	+/-
	Diaudit	Diaudit	
Hartanah dan kelengkapan	4,435,084	1,360,953	3,074,131
Aset semasa	11,364	7,255	4,109
Jumlah aset	4,446,448	1,368,208	3,078,240
Ekuiti	4,234	430	3,804
Sumbangan daripada Kerajaan	3,999,187	1,361,615	2,637,572
Liabiliti semasa	443,027	6,163	436,864
Jumlah ekuiti & liabiliti	4,446,448	1,368,208	3,078,240





MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V)
Level 5, Menara I & P 1
No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

HOTLINE 24 JAM


1800 82 6868

www.mymrt.com.my



BERSAMA

KE ARAH PENGANGKUTAN AWAM YANG LEBIH BAIK



Dari pelbagai latar belakang berbeza, kami tempil untuk mencapai wawasan yang sama, wawasan yang akan membawa suatu perubahan ketara. Dengan pengalaman, kepakaran dan aspirasi, kami harungi segala cabaran dalam melaksanakan tanggungjawab ini, agar ianya sempurna. Semuanya dipikul bersama.

Kerana bersama-sama, kami ibarat serumpun lidi yang bersatu, jauh lebih kuat dari berbatang-batang lidi yang berasingan. Kamilah MRT Corp.

